

543:

SENATOR (BERNAMA EX) 1974

KUALA LUMPUR, 8 OGOS (BERNAMA)— SEKURANG-KURANGNYA LIMA BEKAS SENATOR AKAN MENGAMBIL TEMPAT SEBAGAI ANGGOTA DEWAN RAKYAT BILA DEWAN BERSIDANG SEDIKIT MASA LAGI.

SEJUMLAH SEMBILAN ORANG SENATOR BERTANDING DALAM PILIHANRAYA NASIONAL DAN TUJUH DARINYA BAGI KERUSI PARLIMEN.

SETAKAT INI LIMA ORANG TELAH MENANG, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, PUAN HAJJAH AISHAH GHANI DAN DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD SEMUA TANPA BERTANDING DAN YANG LAINNYA TALAH ENCIK LEW SIP HONG DAN ENCIK SHAARI BIN JUSOH.

DATUK WONG SENG CHOW, NAIB PRESIDEN MCA TELAH KALAH DITANGAN Pengerusi DAP, DR. CHENMAN HIN DI SEREMBAN SEMENTARA KEDUDUKAN ENCIK THOMAS KANA DARI PARTI PESAKA-BUMIPUTRA BERSATU YANG BERTANDING DI KERUSI PARLIMEN KANOWIT, SARAWAK MASIH DITUNGGU.

ENCIK KANA JUGA BERTANDING BAGI KERUSI NEGERI MACHAN DI SARAWAK ATAS CALUN BARISAN NASIONAL.

DUA ORANG BEKAS SENATOR YANG BERTANDING DI PERINGKAT NEGERI IALAH ENCIK ABU BAKAR BIN AHMAD YANG MENANG TANPA BERTANDING DI KAMPUNG RAJA, TRENGGANU DAN ENCIK AWANG DAUD MATUSIN DI KAWASAN LAWAS BAGI SATU KERUSI MAJLIS NEGERI. KEPUTUSAN KERUSINYA JUGA SEDANG DITUNGGU.

DENGAN PEMBERHENTIAN SENATOR-SENATOR YANG BERTANDING INI SEKARANG TERDAPAT SEMBILAN KEKOSONGAN DALAM DEWAN NEGARA YANG MEMPUNYAI 58 ANGGOTA. --BERSAMBUNG. 1404/MD

544:

SENATOR 2 KUALA LUMPUR (EX)

SEMENTARA ITU BERNAMA DIBERITAHU BAHAWA PERKARA UTAMA YANG AKAN DIBINCANGKAN OLEH DEWAN RAKYAT BILA IA BERSIDANG IALAH PEMILIHAN SPEAKER DAN TIMBALANNYA.

TEMPOH BAGI SPEAKER SEKARANG, TAN SRI C.M. YUSOF AKAN BERAKHIR DENGAN RASMINYA BILA SAHAJA PARLIMEN YANG BAHARU BERSIDANG.

BELUM DIKETAHUI SAMADA TAN SRI YUSOF AKAN DILANTIK SEMULA OLEH KERAJAAN MENJADI SPEAKER DENGAN DIPERSETUJUI OLEH DEWAN.

MENURUT PERLEMBAGAAN, SPEAKER TIDAK SEMESTINYA SEORANG ANGGOTA YANG DIPILIH DI DALAM DEWAN TETAPI BELIAU LAYAK DIPILIH SEBAGAI SEORANG ANGGOTA PARLIMEN.

BAGAIMANAPUN PERLEMBAGAAN ITU MENYEBUT BAHAWA TIMBALAN SPEAKER MESTILAH SEORANG ANGGOTA DEWAN. BEKAS TIMBALAN SPEAKER, TAN SRI NIK AHMAD KAMIL TIDAK BERTANDING SEMULA DALAM PILIHANRAYA NASIONAL PADA 24 OGOS LALU. -BERNAMA 1409/MD